

PEREMPUAN MELAYU DALAM *TIANG SERI TEGAK BERLIMA* KARYA NOORDIN HASSAN

(Malay Women in *Tiang Seri Tegak Berlima* by Noordin Hassan)

Salman Alfarisi

salman@fmsp.upsi.edu.my

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Abstrak

Dalam naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* diketahui bahawa peranan laki-laki dalam masyarakat Melayu sangat kuat. Peranan tersebut tidak hanya terdapat dalam aspek agama, malah budaya, sosial dan ekonomi bahkan politik. Keadaan tersebut menjadi isu penting dalam naskhah yang ditulis oleh Dato' Noordin Hassan. Selain menghuraikan idea kefitrahan, naskhah ini membincangkan posisi perempuan Melayu secara simbolik melalui watak Siti Muhsinat. Merujuk watak dalam naskhah tersebut, makalah ini membincangkan persoalan, bagaimanakah posisi atau peranan perempuan Melayu dalam masyarakat, dan bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap upaya perempuan Melayu mengambil peranan secara simbolik? Untuk menemukan jawapan kedua-dua soalan ini, makalah ini menggunakan teori feminisme kritikal berdasarkan metode analisis naratif yang bersifat kualitatif sehingga menghasilkan temuan bahawa watak laki-laki menggunakan simbol budaya dan agama sebagai alat dominasi terhadap watak perempuan.

Kata kunci: perempuan Melayu, posisi Perempuan Melayu, penerimaan masyarakat, feminisme kritikal

Abstract

In the theatre script of Tiang Seri Tegak Berlima, it was made known that the men in Malay society are strong and powerful. The role they played was not just restricted to aspects of religion, in fact, it encompassed culture, social,

economy and even the political aspects of the society. This situation becomes an important issue in the script written by Dato' Noordin Hassan. Apart from explaining the nature of men, this script also discusses the symbolic positioning of Malay women through the character of Siti Muhsinat. With reference to this character in the script, this paper discusses the issue of Malay women's positioning and the role they play in society, as well as society's response towards Malay women's ability to perform their symbolic roles. To address these two issues, this article employs the theory of critical feminism through the mode of qualitative narrative analysis in order to reveal that men tend to utilise cultural and religious symbols as tools to dominate women.

Keywords: Malay women, positioning of the Malay Women, society's recognition, critical feminism

PENDAHULUAN

Tiang Seri Tegak Berlima merupakan salah satu drama tulisan Dato' Noordin Hassan. Naskah ini ditulis sekitar tahun 1970-an dan merupakan lanjutan drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* yang menengahkan tema ketidakadilan sosial (Solehah, 1996). Ketidakadilan sosial tersebut termasuklah yang dialami oleh perempuan Melayu dari segi posisi sosial keagamaan, termasuk budaya yang didominasi oleh laki-laki. Topik tersebut termasuk isu penting dalam naskah teater *Tiang Seri Tegak Berlima*.

Menurut Solehah Ishak (1996) *Tiang Seri Tegak Berlima* merujuk Rukun Negara Malaysia yang diisytiharkan pada tahun 1970 yang menjadi teras perjuangan negara Malaysia dan diletakkan pada watak Siti Muhsinat. Kumpulan Kapak hadir sebagai representasi kekuasaan laki-laki tidak dapat dilepaskan daripada isu ketidakadilan sosial, terutama ketika dikaitkan dengan watak Siti Muhsinat yang menjadi korban atau mangsa.

Makalah ini cuba menjawab pada dua persoalan. Pertama, apakah posisi perempuan Melayu di tengah-tengah masyarakat? Kedua, bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap upaya perempuan Melayu mengambil posisi secara simbolik? Tulisan ini sepenuhnya melakukan penelitian terhadap teks naskah teater *Tiang Seri Tegak Berlima*. Metode analisis naratif yang tertumpu pada pembedahan struktur teks dilakukan secara terukur dan teratur. Teks tidak dilihat dan ditelaah secara terpisah kerana setiap huraian dalam teks tersebut membangunkan makna.

Stokes (2006), misalnya memberikan panduan untuk melakukan analisis naratif dengan mengambil keseluruhan teks dianalisis, sama ada terhadap kisah

mahupun penceritaan (*narration*). Dengan melakukan analisis naratif, maka peluang untuk menemukan pesan ataupun ideologi yang terkandung dalam teks terbuka lebar. Terdapat beberapa langkah dalam analisis naratif, iaitu memilih teks, seterusnya mendalami setiap rangkaian teks tersebut dengan membacanya terus-menerus. Langkah berikutnya membuat pendefinisian yang bersifat hipotesis. Selanjutnya membuat suatu kerangka jalinan setiap gambaran naratif yang terdapat dalam teks. Langkah seterusnya memberikan fungsi plot secara optimal agar dapat ditemukan setiap bahagian kisah yang ada dalam teks secara kronologi. Yang terakhir, melakukan pengidentifikasian keseimbangan pada permulaan, pertengahan, hingga akhir kisah yang ditemui dalam teks.

Seterusnya, untuk memahami posisi perempuan Melayu pada naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* dalam teks naratif, makalah ini menggunakan jenis penelitian kualitatif interpretif yang dikuatkan dengan pendekatan kritikal feminis. Penelitian kualitatif interpretif meneliti benda dalam konteks alamiahnya dan berupaya untuk memahaminya atau mentafsirkan makna yang dilekatkan manusia (peneliti) kepadanya (Denzin & Lincoln, 1994). Perbincangan dikemukakan secara deskriptif kualitatif, yakni mengungkapkan karakteristik dan perwatakan dalam naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* sesuai dengan keberadaan watak tersebut (Chariri, 2009). Dalam hal ini untuk menemukan posisi perempuan Melayu yang terdapat dalam teks naratif naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima*, amat penting untuk didalami menggunakan pendekatan kritik feminis.

Humm (2007) berpandangan bahawa feminisme digabungkan daripada doktrin kesetaraan bagi perempuan yang terorganisasi dengan sebuah ideologi transformasi sosial. Tujuannya adalah untuk menciptakan dunia perempuan, yakni dunia yang dapat melihat diri perempuan secara setara dengan menengahkan ideologi pembebasan sebagai payung pergerakan. Hal serupa dinyatakan oleh Ruthven (1984) bahawa kemunculan gerakan feminisme untuk meneutralkan praktik penguasaan laki-laki melalui sistem dan struktur budaya, seni, gereja, hukum, dan keluarga, termasuk pentadbiran negara yang cenderung membenarkan penguasaan tersebut. Feminisme sebagai aliran pemikiran dan gerakan yang bermula daripada kelahiran era pencerahan di Eropah yang dipelopori oleh Lady Mary Wortley Montagu dan Marquis de Condorcet. Pada tahun 1785, mereka melakukan kajian dan diskusi secara ilmiah dalam perkumpulan pemikir di Middelburg, Belanda. Upaya mereka berhasil kerana pada awal abad ke-19, gerakan feminisme lahir menjadi arus deras yang mampu mempengaruhi banyak elit di Eropah.

Maka yang terjadi ialah perempuan di Eropah melakukan perjuangan dengan mempopularkan jargon Universal Sisterhood (Arivia, 2003). Dalam analisis ini, feminisme dimaknai sebagai sistem kekuasaan lelaki yang menindas perempuan melalui lembaga sosial, politik dan ekonomi (Osborne, 2001). Selain itu pula, Agger (2009) menyatakan bahawa feminisme membentuk kesedaran yang dibangunkan oleh pengalaman perempuan yang khas tentang kebenaran, pengetahuan dan kekuasaan.

POSISI PEREMPUAN MELAYU DARI SEGI PLOT

Membincangkan posisi perempuan Melayu dalam naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* terlebih dahulu melihat konsep posisi, iaitu tidak hanya tentang di mana perempuan tersebut berada. Ketika posisi hanya dimaknakan sebagai satu tempat, maka perempuan Melayu hanya terbatas pada klasifikasi perempuan Melayu desa dan perempuan Melayu kota. Pemahaman tentang perempuan pun menjadi terkotak-kotak kerana disebut sebagai perempuan sesuai di mana mereka tinggal dan beraktiviti. Namun lebih jauh daripada itu, pemaknaan terhadap posisi juga berkaitan dengan sosial, ideologi, dan pekerjaan perempuan Melayu. Bahkan juga tentang posisi yang ada hubungannya dengan suasana batin mereka. Dengan kata lain, kedudukan tampak luaran dan dalaman perempuan Melayu di tengah-tengah lingkungan sosial amat penting untuk dijadikan kajian wacana, sama ada perempuan Melayu desa mahupun perempuan Melayu kota. Perbincangan bukan semata-mata tentang di mana mereka berada, namun juga berkedudukan mereka, iaitu siapa mereka dan menjadi apa di tempat tersebut. Bahkan lebih jauh daripada itu, posisi juga bermakna pangkat atau pun jabatan yang disematkan kepada perempuan Melayu. Dengan makna lain, kesedaran posisi bagi perempuan Melayu menunjukkan kemampuan mereka berebut kuasa di tengah-tengah arena sosial mereka.

Secara konseptual yang dimaksudkan dengan perempuan Melayu dalam makalah ini ialah perempuan yang berasal daripada kata “empu”, yakni dapat dimaknakan sebagai orang yang memiliki kemahiran, kecekapan, kepandaian sehingga mereka dapat memerintah bahkan dapat memberikan keselamatan seperti yang dikatakan oleh Subhan (2004). Sedangkan, pandangan fahaman feminisme seperti Humm (2007) tentang perempuan disebutkan sebagai istilah untuk mengkonstruksi suatu keadaan sosial yang identitinya ditetapkan dan dikonstruksikan melalui penggambaran. Akibatnya, sering ditemui berat sebelah antara pengonstruksian laki-laki dan perempuan, misalnya,

perempuan mendapatkan ketidakadilan laki-laki dalam sejumlah ruang sosial dan keluarga (Hasyim, 2005). Dengan demikian, yang dimaksudkan perempuan Melayu dalam makalah ini ialah perempuan yang memiliki kedudukan terhormat, mempunyai kecerdasan memaknakan persoalan sosial, kepekaan dalam memberikan respons dan berani mengubah keadaan sosial, dan sudah pasti pula beragama Islam.

Khusus mengenai penguatan identiti Islam ini dapat ditelaah melalui perwatakan Siti Muhsinat yang dalam posisi sosial sebagai seorang muallaf. Dengan kata lain bahawa kedudukan perempuan Melayu sebagai seorang muslimah merupakan nilai utama, yang bermakna juga bahawa Siti Muhsinat dapat dikatakan bukan tergolong perempuan Melayu jika agama yang dianutinya bukan Islam. Dalam pandangan Omar (1996) agama Islam pada masyarakat Melayu bukanlah sekadar kepercayaan terhadap agama tetapi merupakan jalan hidup yang perlu diikuti. Oleh itu, posisi Siti Muhsinat sebagai perempuan Islam sejati menguatkan lagi kedudukannya sebagai watak yang mesti dihormati.


Sebagaimana yang dikatakan sebelumnya bahawa makalah ini berpusat pada analisis terhadap naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* sebagai sebuah teks, maka salah satu pintu masuk untuk mengenali teks tersebut secara mendalam ialah melalui penelaahan plot. Stanton (2007) mendefinisikan plot sebagai keseluruhan urutan atau sekuen peristiwa. Dengan kata lain, peristiwa yang dihubungkan secara kasual, iaitu peristiwa yang secara langsung merupakan sebab akibat daripada peristiwa lain dan jika dihilangkan dapat merosakkan jalan tindakan atau ceritanya. Dalam pandangan Nurgiantoro (1995) peristiwa cerita diwujudkan melalui perbuatan dan sikap watak utama, sama ada yang bersifat lahiriah mahupun batiniah. Plot merupakan cerminan atau bahkan berupa perjalanan tingkah laku para tokoh dalam bertindak, berfikir, berasa, dan bersikap ketika menghadapi pelbagai masalah kehidupan.

Merujuk plot yang terdapat dalam naskhah *Tiang Seri Tegak Berlima* yang kesemuanya mempunyai hubungan sebab akibat, maka dapat dilihat berlakunya ketidakberuntungan posisi perempuan. Ketika menelaah seluruh plot ditemui bahawa setiap bahagian menunjukkan kekalahan perempuan. Misalnya pada Rajah 1.

Rajah 1 memperlihatkan bahawa pada plot awal posisi watak Siti Muhsinat sebagai perempuan yang mempunyai kekuatan dalaman yang melebihi laki-laki. Pak Ngah, sebagai orang tua, orang yang dihormati, memiliki kekuasaan sosial dan agama yang kuat juga memberikan penghormatan kepada Siti Muhsinat. Pak Ngahlah yang memperkenalkan ramalan kebenaran Siti

Muhsinat. Namun dalam perkembangannya, pada plot tengah ditemui Siti Muhsinat dihadapkan dengan kekuasaan laki-laki melalui watak Kumpulan Kapak. Siti Muhsinat diberikan ruang untuk menyampaikan kebenaran yang dibawanya kepada masyarakat, tetapi tidak diberikan kesempatan untuk mewujudkan kebenaran tersebut sebagai realiti sosial. Akhirnya kebenaran tersebut hanya berlaku pada wilayah ideologi atau sekadar sebagai ajaran. Misalnya ketika kebenaran atau kefitrahan tersebut dijadikan sebagai motivasi agar kelompok masyarakat yang kalah teruja untuk mengambil hak yang adil, kefitrahan tersebut tidak sepenuhnya dijalankan seperti yang disampaikan oleh Siti Muhsinat. Dengan kata lain, posisi watak Siti Muhsinat lebih jelas dapat dilihat dalam Rajah 2.

Dalam dunia bawah sadar masyarakat yang bersifat fundamental, dapat dilihat watak Siti Muhsinat mempunyai posisi yang kuat sehingga diramalkan berupaya mengubah kekelaman sosial dalam lingkungan masyarakatnya. Namun begitu, memasuki fasa kedua yang terjadi ialah keagungan Siti Muhsinat semakin lemah ketika berhadapan dengan dunia menengah ke atas yang dikuasai oleh pemilik kekuatan dan kekuasaan, iaitu Ketua Kumpulan Kapak. Puncak daripada semua itu, Siti Muhsinat dikalahkan pada fasa yang seharusnya dia memenangi pertarungan sosial, khususnya melawan Ketua Kumpulan Kapak. Dalam hal ini watak Ketua Kumpulan Kapak dengan tegas



Rajah 1 Posisi watak Siti Muhsinat dari sudut pandang plot.



Rajah 2 Perkembangan posisi watak Siti Muhsinat.

menilai Siti Muhsinat menjadi penghalang baharu terhadap kekuasaannya:

KKK: Perempuan; tujuan hidup kami, cara hidup kami, prinsip kami tak ada kena-mengena dengan kau.

(Noordin, 1996)

Menariknya, ketika berasa terancam, Ketua Kumpulan Kapak memposisikan diri sebagai watak yang tidak memiliki hubungan dalam bentuk apa-apa pun dengan Siti Muhsinat. Misalnya hubungan agama, ideologi, posisi sosial, ekonomi. Sebaliknya tatkala berhubungan dengan ruang mempamerkan kekuasaan dirinya, Ketua Kumpulan Kapak meletakkan diri sebagai orang yang menguasai Siti Muhsinat. Seterusnya, untuk menguatkan keinginan penguasaan itu, Ketua Kumpulan Kapak menjadikan agama sebagai landasan.

KKK: Kau pun boleh berkahwin dengan aku. He, he, heh, agama tidak melarang aku kahwin muda! Aku selalu makan makjun.

(Noordin, 1996)

Tampak bahawa ketidakadilan yang dialami watak Siti Muhsinat ditemukan dalam berbagai-bagai bentuk, yakni marginalisasi atau proses pemiskinan ekonomi, subordinasi atau anggapan tidak penting dalam keputusan politik, pembentukan tipa tetap atau stereotaip, kekerasan (Fakih, 1999). Akibatnya, segala hal yang diperbuat oleh Ketua Kumpulan Kapak terhadap Siti Muhsinat melahirkan mitos dan citra tipa tetap atau stereotaip tentang Ketua Kumpulan Kapak sebagai laki-laki yang kuat, berkuasa, autoritarian. Sedangkan Siti Muhsinat sebaliknya, yakni sebagai perempuan yang hanya sesuai dengan sifat lemah lembut, mengalah dan menerima takdir. Dengan kata lain, meskipun Siti Muhsinat mempunyai kemampuan untuk mengubah keadaan, namun tidak dapat dilakukannya kerana citranya sudah dikalahkan oleh citra Ketua Kumpulan Kapak. Dalam hal ini watak Ketua Kumpulan Kapak telah dengan sempurna mempermainkan pandangan empirik masyarakat, khususnya laki-laki terhadap perempuan.

Kendatipun Siti Muhsinat dipandang sebagai perempuan yang kuat, namun di hadapan laki-laki, Siti Muhsinat tak lebih daripada sekadar watak pembenar terhadap kelemahan yang sudah terlanjur dikekalkan dalam lingkungan sosial melalui proses sosial dan kultural yang berlangsung lama dan terus-menerus. Akibatnya, semua yang dilakukan Ketua Kumpulan Kapak terhadap Siti Muhsinat diterima seolah-olah sebagai ketentuan yang sudah

dibuat oleh Tuhan melalui agama (Dagun, 1992). Setiap yang dilakukan Ketua Kumpulan Kapak dalam hal ini merupakan satuan daripada peristiwa yang ada. Dia yang terbiasa dengan penguasaan penuh terhadap perempuan, akhirnya terjebak dalam tipa tetap atau stereotaip yang dibangunkannya sendiri. Namun, kerana dia memiliki kekuasaan, maka orang lain pun menerima sekali gus membenarkannya. Misalnya, anak buahnya dengan senang dan rela mengikut perintah untuk menukar secara simbolik seorang perempuan kampung dengan kapak yang bermakna secara simbolik Ketua Kumpulan Kapak telah merendahkan martabat perempuan di hadapan sesama perempuan dan masyarakat umum lainnya.

POSISI PEREMPUAN MELAYU DARI SUDUT PANDANG PERWATAKAN

Teknik naratif ialah teknik bukan lisan yang digunakan untuk menggambarkan segala hal tentang watak dalam cerita (Mulyadi, 2007), dan watak menurut Sudjiman (1991) dapat berbentuk apa-apa sahaja, termasuk manusia. Stanton (2007) menyatakan watak biasanya digunakan dalam dua konteks, yakni menunjuk pada individu yang muncul dalam cerita dan pencampuran daripada berbagai-bagai kepentingan, keinginan, emosi, dan prinsip umum daripada individu. Merujuk pendapat ini, maka dapat dilihat posisi Siti Muhsinat dalam perwatakan naskah teater *Tiang Seri Tegak Berlima*.

Sebagai individu, Siti Muhsinat berdiri sebagai watak yang kuat, yang secara logik, Siti Muhsinat dapat memberikan pengaruh kepada watak lain, termasuk watak kuat lain seperti Ketua Kumpulan Kapak. Anehnya, posisi watak Siti Muhsinat justeru semakin lemah ketika dirinya cuba masuk menjadi bahagian daripada kelompok watak yang lain, terutama kelompok yang sudah memiliki posisi sosial kuat. Di sinilah kejanggalan tersebut semakin wujud. Ketempangan ini pasti disebabkan oleh satu sistem kolektif sehingga ketika dihadapkan dengan Siti Muhsinat secara peribadi, Siti Muhsinat pun menjadi semakin lemah.


Daripada Jadual 1 dapat diketahui bahawa perwatakan dalam naskah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* didominasi oleh laki-laki. Soal jumlah dalam wacana dominasi sangat menentukan penguasaan kelompok dengan jumlah yang lebih besar terhadap kelompok minoriti. Dalam hal ini dapat difahami bahawa meskipun posisi watak Siti Muhsinat sebagai yang utama, dia tetap menjadi subordinat laki-laki yang menang dari segi jumlah bilangan watak. Dengan demikian, watak utama tidak dapat menentukan kekuatan untuk

menciptakan kebijakan dalam lingkungan sosial. Situasi inilah yang digugat oleh feminisme kerana kaum perempuan dipandang sebagai kelas masyarakat yang terpinggir oleh laki-laki dengan menggunakan kekuatan jumlah yang lebih banyak (Humm, 1986). Lebih jauh lagi dapat dilihat pada Rajah 3.

Dengan jumlah watak laki-laki 9 dan watak perempuan 2, maka dapat dilihat, pertama, kekuatan Siti Muhsinat pada akhir cerita semakin lemah disebabkan faktor jumlah laki-laki yang 70% lebih banyak. Kedua, dengan jumlah yang lebih banyak, watak laki-laki dapat membangunkan wacana yang bertujuan melemahkan watak perempuan. Dengan kata lain, perpaduan antara jumlah yang lebih banyak dengan kemampuan membangunkan wacana ialah penyebab watak laki-laki memposisikan Siti Muhsinat sebagai yang kalah kerana dengan begitu laki-laki dapat menciptakan idea, pendapat, konsep dan pandangan terhadap perempuan yang seterusnya menjadi rujukan bagi masyarakat untuk berfikir dan bertindak (Eriyanto, 2008). Dalam konteks ini pula, mula-mula laki-laki menggunakan kuasa jumlah mereka untuk mewacanakan Siti Muhsinat sebagai perempuan yang berlawanan dengan kehendak mereka sehingga wacana tersebut terus berkembang membentuk hubungan kuasa yang diterima sebagai kebenaran (Foucault, 2002). Akibatnya,

Jadual 1 Posisi Siti Muhsinat dari sudut pandang perwatakan.

Bil.	Nama Watak	Umur/Tahun	Jumlah	
1.	Siti Muhsinat	22	1	
2.	Pak Ngah	Tidak dinyatakan	1	
3.	Pak Ku	Setengah umur	1	
4.	Pal Leman	Setengah umur	1	
5.	Lelaki 1,2,3	Tidak dinyatakan	3	
6.	Mek Bongsu	Tidak dinyatakan	1	
7.	Major Ridzuan Syah	Tidak dinyatakan	1	
8.	Ketua Kumpulan Kapak	70	1	
9.	Hidayat	Tidak dinyatakan	1	
Jumlah Keseluruhan			Perempuan	Laki-laki
			2	9



Rajah 3 Peratusan watak laki-laki dan perempuan.

dalam posisi apapun, yang tampak ialah kekalahan Siti Muhsinat sebagai perempuan.

POSISI PEREMPUAN MELAYU DARI SEGI PANDANGAN MASYARAKAT

Masyarakat Melayu yang berada di Kampung Sukamenanti pada naskah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* menempatkan perempuan dalam ruang abstrak mitologis. Pada sisi yang lain, mereka percaya bahawa perempuan sebagai makhluk yang mulia, tetapi di sisi yang berbeza perempuan ditempatkan sebagai makhluk mitologis. Maknanya, keagungan perempuan seperti watak Siti Muhsinat hanya dalam angan-angan. Mereka tidak mahu mewujudkan perempuan dalam dunia sebenar. Akibatnya, terjadi dua watak yang mencolok. Pertama, watak masyarakat yang menempatkan perempuan di ruang suci pemikiran. Kedua, watak yang menistakan perempuan di ruang realiti sosial sehari-hari. Menariknya, kedua-dua watak ini berada dalam ruang dan waktu yang sama pula.

Posisi konseptual ini berangkat daripada ajaran agama Islam dan bentukan budaya Melayu. Dalam pandangan feminis beraliran marxis dan sosialis, lembaga yang paling kuat untuk mengekalkan posisi perempuan yang tidak beruntung dalam masyarakat ialah agama (Megawangi, 1999). Pada sisi yang lain pula, budaya Melayu berperanan ketika berlaku interpretasi perlakuan dan posisi perempuan dalam masyarakat (Heyzer, 1986). Hal ini diketahui, misalnya, daripada pembukaan naskah dimulakan dengan nilai keislaman yang dicampurkan dengan internalisasi budaya Melayu terhadap ajaran Islam.

Bunyi pukulan tabuh besar (gendang raya) dari belakang auditorium, menandakan ada kematian. Pukulan: 3 kali, berhenti sejenak; 3 kali berhenti sejenak.

(Noordin, 1996)

Seterusnya, hampir setiap bahagian dalam naskhah selalu disertakan pesan budaya Melayu yang sudah dihayati dengan ajaran agama Islam, khususnya tentang kefitrahan Siti Muhsinat. Tentu sahaja, hal ini bertentangan dengan pandangan bahawa kedudukan perempuan dalam pandangan ajaran Islam tidak seperti diduga atau dipraktikkan masyarakat (Shihab, 1997) kerana secara konseptual, watak Siti Muhsinat diibaratkan sebagai penjelmaan kesucian. Dia yang sebelumnya bukan Muslim, kemudiannya memeluk agama Islam sebagai pencirian utama perempuan Melayu. Posisi watak Siti Muhsinat sebagai muallaf ialah pandangan kesucian masyarakat terhadap perempuan Melayu. Namun, nasib sosial yang menyimpannya mengerdikan kefitrahan yang secara simbolik ada pada dirinya.

Posisi ideal bermakna seharusnya perempuan dalam posisi yang istimewa kerana hal ini sesuai dengan posisi konseptual yang berasaskan ajaran Islam dan budaya Melayu. Posisi dalam kenyataan atau realiti sosial bermakna bahawa telah terjadi watak paradoksikal, bermuka-muka yang ambivalen pada diri masyarakat. Pada sisi lain, mereka menjadikan agama sebagai kiblat, namun demi kekuasaan, agama mereka letakkan bukan sebagai penyeimbang atau pegangan sehingga perempuan Melayu yang semestinya ditempatkan setara bahkan lebih tinggi sesuai posisi konseptual, namun diposisikan sebaliknya. Siti Muhsinat dihinakan. Akibatnya, perempuan Melayu menjadi korban atas

Jadual 2 Posisi Siti Muhsinat dari segi pandangan masyarakat.

Posisi Konseptual	Posisi Ideal	Posisi dalam Kenyataan
Perempuan Melayu ialah perempuan Islam yang di dalamnya terdapat kekuatan batin untuk meneroka rahsia Tuhan. Bahkan perempuan Melayu ialah wakil kekuasaan Tuhan untuk menyelamatkan kezaliman dunia. Perempuan Melayu ialah simbol kefitrahan.	Perempuan Melayu sebagai pemimpin, juga dapat menjadi ibu sosial tempat masyarakat bergantung.	Dikalahkan, dinistakan, disetarakan dengan alat serupa kapak.

pelaksanaan posisi konseptual dan posisi ideal yang diselewengkan secara sengaja dan berterusan.

Menariknya, pandangan masyarakat terhadap perempuan Melayu ini mengalami perubahan fungsi dan makna ketika berhadapan dengan kelas sosial. Ada beberapa faktor yang menyebabkan perbezaan pandangan masyarakat terhadap perempuan Melayu dalam konteks sosial ini. Pertama ialah ekonomi. Misalnya, Ketua Kumpulan Kapak yang berlatar belakang kelas ekonomi tinggi, memandang Siti Muhsinat sebagai penghalang dan menempatkan setara dengan perempuan lain yang sudah dinistakan. Hal ini, misalnya, terlihat pada bahagian penjara yang sudah banyak perempuan di dalamnya sebelum Siti Muhsinat dimasukkan ke dalam penjara yang sama pula. Kedua, faktor pengetahuan, baik pengetahuan agama mahupun tingkat pendidikan. Ketiga, faktor ketaatan kepada pemimpin yang masih berasaskan feudalisme. Maknanya, Setiap pandangan Ketua Kumpulan Kapak terhadap Siti Muhsinat diterima sebagai kebenaran meskipun mereka menyedari dan mengakui kefitrahan Siti Muhsinat.

Dapat disemak penilaian sekali gus penerimaan Ketua Kumpulan Kapak terhadap Siti Muhsinat dan perempuan lain di Kampung Melayu Sukamenanti:

KKK: Lihat; cuba kaulihat. Mereka ini berlumba-lumba menghambaabdikan diri kepada aku. Itu jenis mereka ...


Kaulihat; untuk mendapat sesuatu, merayap di bumi pun tak mengapa. Itu jenis mereka. Dan kau; tinggal dengan khutbah lapuk kau 'tu.

(Noordin, 1996)

Lebih jelas lagi, Jadual 3 memaparkan pandangan sesuai dengan tingkat sosial masyarakat Kampung Melayu Sukamenanti.

Jadual 3 Pandangan masyarakat mengikut tingkatan sosial.

Atas	Menengah	Bawah
Perempuan Melayu dipandang sebagai penghalang, pengkritik, dan penghasut orang lain sehingga mereka menilai perempuan Melayu sebagai ancaman kekuasaan.	Terbelah menjadi dua. Kelompok yang satu berpihak kepada kelompok atas yang menolak perempuan Melayu. Kelompok satu lagi bersikap menerima perempuan Melayu sebagai pelindung mereka.	Secara keseluruhan menerima perempuan Melayu sebagai pelindung mereka.



Rajah 4 Klasifikasi kelas sosial di Kampung Sukamenanti.

Terjadinya sikap menduakan kelas sosial menengah ini disebabkan mereka merupakan sebahagian daripada anak buah atau pekerja dalam Kumpulan Kapak. Sedangkan kelas sosial yang bukan pekerja Kumpulan Kapak memilih berpihak kepada Siti Muhsinat. Kepastian sikap kelas masyarakat bawah kerana mereka berfikir senasib dengan Siti Muhsinat sehingga meskipun berisiko dibunuh atau dipenjarakan oleh Kumpulan Kapak, mereka tetap dalam keyakinan sebagai pengikut Siti Muhsinat.

Rajah 4 menegaskan Ketua Kumpulan Kapak sebagai representasi kelas sosial atas yang meletakkan perempuan Melayu sebagai sebahagian daripada jajahan kekuasaan yang dimilikinya. Seterusnya, Anggota Kumpulan Kapak sebagai kelas menengah yang mengikuti arus Ketua Kumpulan Kapak yang merendahkan watak Siti Muhsinat. Sedangkan Pak Ngah, meskipun berada dalam kelas menengah kerana pengaruh kulturalnya, bersikap memuliakan watak Siti Muhsinat. Kelas sosial bawah yang diwakili oleh watak laki-laki 1, 2, dan 3 serta watak orang-orang kampung secara kolektif berada pada pihak Siti Muhsinat sehingga posisi tiap-tiap kelas sosial tampak terjadi secara alamiah (Lidz, 1963). Namun, di sebalik itu, kelas sosial tersebut telah digunakan Ketua Kumpulan Kapak untuk mendominasi perempuan.

POSISI PEREMPUAN MELAYU DARI SEGI SISTEM KEMASYARAKATAN KAMPUNG SUKAMENANTI

Merujuk peristiwa yang terjadi dalam naskhah *Tiang Seri Tegak Berlima* dalam sebuah kampung Melayu bernama Kampung Sukamenanti, dapat dinilai bahawa komuniti tempat Siti Muhsinat mengalami penindasan ini sudah terdapat sistem kemasyarakatannya sendiri. Bahkan, kedudukan Pak Ngah sebagai orang yang dituakan dan dihormati telah pun menunjukkan terdapat struktur sosial di Kampung Sukamenanti. Secara sederhana struktur masyarakat Melayu Kampung Sukamenanti seperti Rajah 5.

Seterusnya, berlakunya konflik antara watak Kumpulan Kapak dengan watak lainnya yang menggunakan simbol budaya seperti perkahwinan. Upacara adat dalam perkahwinan Melayu pun menunjukkan bahawa Kampung Sukamenanti sudah memiliki sistem budaya yang kuat.

(Muzik tanpa syair; persiapan diaturkelolakan untuk majlis bersanding, cakap itu, cakap ini; ubah itu, letak ini, dan sebagainya; pelamin pun ada; orang dirai, LIMA sebagai MAK ANDAM, sibuk; terdengar gendang, rebana, kompang serta nyanyian mengarak dan mengiring pengantin laki-laki...

(Noordin, 1996)

Kekuatan sistem budaya Kampung Sukamenanti juga dapat dilihat pada kemampuan mereka menciptakan sistem dan simbol budaya. Namun sistem dan simbol budaya tersebut masih dominan digunakan oleh laki-laki. Kekuasaan laki-laki terhadap perempuan, termasuk terhadap watak Siti



Rajah 5 Struktur kemasyarakatan Kampung Sukamenanti.

Jadual 4 Pemaknaan kuasa laki-laki terhadap watak Siti Muhsinat.

Kumpulan	Kapak
<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai sebuah organisasi dengan jumlah pengikut yang banyak dan kuat. • Organisasi yang sudah kukuh secara struktur, ekonomi dan politik. • Organisasi yang memiliki tujuan dan menguasai masyarakat. • Organisasi sebagai sebuah kesedaran politik dan kuasa. 	<ul style="list-style-type: none"> • Personafikasi kapak ialah kekasaran dan kekerasan. • Citra yang mahu dibangunkan ialah autoritarian. • Membangunkan citra kekuatan yang tidak dapat dikalahkan. • Budaya sebagai alat kekuasaan.

Muhsinat dapat dilihat juga pada watak Ketua Kumpulan Kapak. Melalui analisis kritikal feminisme, dapat dilihat bahawa Ketua Kumpulan Kapak memberikan penguatan kepada ideologi kekuasaan laki-laki terhadap watak perempuan.

Dengan kata lain, kesedaran Ketua Kumpulan Kapak untuk membuat satu perkumpulan ialah sebahagian daripada kemampuan laki-laki menciptakan sistem sosial. Hal yang sama juga terlihat pada pilihan simbol budaya, yakni kapak, yang memaknakan kesedaran laki-laki untuk menggunakan simbol budaya yang sudah diketahui umum agar maksud penguasaan tersebut lebih tersembunyi. Akibatnya, posisi Siti Muhsinat semakin tampak tidak seimbang kerana perbezaan kekuasaan yang diciptakan oleh Ketua Kumpulan Kapak semakin kuat di tengah-tengah masyarakat (Lovenduski, 2008).

Lebih keterangan dalam Jadual 5 dapat dilihat posisi perempuan Melayu dalam naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* dalam konteks sistem kemasyarakatan.

Tampak bahawa hampir dalam semua sistem kemasyarakatan Kampung Sukamenanti, watak perempuan, termasuk Siti Muhsinat dilemahkan. Bahkan, ketika secara khusus melihat watak Siti Muhsinat dalam posisi keagamaan pun, masih dilemahkan. Padahal, dia selalu memberikan pandangan berdasarkan ajaran agama. Dengan kata lain, pemahaman Siti Muhsinat terhadap agama Islam cukup luas meskipun dia seorang muallaf.

SITI MUHSINAT: Dah berkali-kali hamba nampak dan dengar; serupa selalu. Mula-mula bunyi satu suara. Katanya: kalaulah pembalasan tidak selepas mati;

bagaimana? Kalaulah Tuhan tiba-tiba memutuskan, baik balas dibalas baik dan jahat dibalas jahat di dunia ini juga, bagaimana? Cuba fikirkan.

(Noordin, 1996)

Dalam konteks ekonomi pun terjadi hal yang serupa. Laki-laki menguasai perekonomian sehingga ekonomi juga dijadikan sebagai modal penguasaan. Sebagai orang yang menguasai ekonomi penduduk Kampung Sukamenanti, Ketua Kumpulan Kapak berasa mendapatkan legitimasi atas penistaannya terhadap watak Siti Muhsinat.

SITI MUHSINAT: Tuan tak sedar rupanya; memang banyak ada kena-mengena dengan kami. Banyak tanah kami kepunyaan tuan; orang-orang kami pun selaku milik tuan; perniagaan yang boleh diberikan kepada kami; tuan bolot dan tuan Ali Babakan; tuan hidup kaki atas kaki dan kami dipijak pula.

(Noordin, 1996)

Sebagai wakil daripada kaum dan masyarakat Kampung Sukamenanti, Siti Muhsinat menunjukkan kekuasaan ekonomi Ketua Kumpulan Kapak di tengah-tengah masyarakat. Atas dasar itu pula, masyarakat dan Siti Muhsinat terbelenggu dalam kekalahan. Dalam konteks ini, ekonomi yang sudah dikuasai oleh Ketua Kumpulan Kapak telah mampu mengambil alih harga diri rohani dan jasmani Siti Muhsinat. Perlawanan yang dibuat pun akhirnya menjadi pudar kerana ekonomi sebenarnya bahagian penting dalam konteks perjuangan perempuan (Tong, 2008). Bermakna juga bahawa ketika Siti Muhsinat memiliki kemampuan mendapatkan simpati daripada masyarakat kelas bawahan, pada masa yang sama dia merosakkan kemampuan tersebut kerana dia hanya mampu berkelompok dengan kelas yang penguasaan ekonominya lemah (Fromm, 2011). Dengan kata lain, Siti Muhsinat tidak diberikan ruang oleh Ketua Kumpulan Kapak untuk terlibat dalam sektor ekonomi.

Melalui sistem ekonomi yang dikuasai oleh Ketua Kumpulan Kapak, Siti Muhsinat disejajarkan dengan perempuan lain yang hanya aktif dalam sektor domestik. Maka, Siti Muhsinat dilemahkan, manakala masyarakat yang lain memerlukan ekonomi yang kuat agar Siti Muhsinat dapat mengimbangi Ketua Kumpulan Kapak, dengan harapan mereka memiliki kemandirian mengelola ekonomi (Suyanto, 1996). Namun, hal tersebut tidak berlaku. Walhal, perempuan dapat mencapai kesetaraan kekuasaan dan status mereka di tengah-tengah masyarakat apabila perempuan dapat memperoleh peranan

Jadual 5 Posisi Siti Muhsinat dalam sistem kemasyarakatan.

Posisi	Laki-laki	Perempuan
Posisi sosial	Posisi sosial watak laki-laki lebih tinggi, baik sebagai kepala kampung, pemuka agama, pemuka adat mahupun pemuka perkara lain yang mendapatkan pengaruh.	Posisi sosial perempuan sebagai manusia biasa, tidak mendapatkan kelayakan sosial yang memadai.
Posisi ekonomi	Secara ekonomi watak laki-laki lebih menikmati kelayakan ekonomi.	Watak perempuan tidak memiliki akses yang kuat terhadap ekonomi.
Posisi budaya	Dari segi budaya, watak laki-laki juga lebih kuat menentukan dan menciptakan simbol budaya.	Watak perempuan hanya menjadi penerima budaya yang sudah dibuat oleh watak laki-laki.
Posisi politik	Watak laki-laki ditemukan memiliki akses sepenuhnya kepada kekuasaan.	Watak perempuan hanya menjadi pengikut yang lemah di hadapan kekuatan politik watak laki-laki.
Posisi agama	Peran keagamaan watak laki-laki menonjol meskipun mereka tidak mempunyai pemahaman yang kuat terhadap agama.	Sebaliknya berlaku pada watak perempuan, mereka hanya menjadi pengikut dominasi keagamaan watak laki-laki.

yang kuat dalam ekonomi. Namun yang tampak dalam naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* ialah kedudukan perempuan dalam masyarakat sebagai kaum yang dikalahkan. Sedangkan, laki-laki sebagai kelompok borjuis yang penuh kuasa (Megawangi, 1999).

KESIMPULAN

Setelah melihat huraian di atas, maka dapat diambil kesimpulan bahawa telah berlaku paradoksikal dalam masyarakat Melayu dalam naskhah *Tiang Seri Tegak Berlima*. Dapat dinyatakan secara konseptual, terjadi pengagungan yang tinggi terhadap watak perempuan. Bahkan, watak perempuan memiliki kekuatan batin lebih tinggi dibandingkan watak laki-laki. Namun, dalam

realiti sosial, konsep yang ideal tersebut hampir tidak bermakna kerana kenyataannya kekuatan sosial, ekonomi, politik, agama dan budaya watak laki-laki tampak dominan terhadap watak perempuan. Seterusnya, ketika mempraktikkan kekuasaan, watak laki-laki menggunakan simbol budaya yang diambil daripada hal yang sudah mengakar di tengah-tengah masyarakat. Misalnya, kapak sebagai cerminan kekuatan mutlak melahirkan autoriti tinggi watak laki-laki terhadap watak perempuan.

Watak laki-laki menggunakan agama sebagai pelindung kekuasaan mereka terhadap watak perempuan. Di samping itu, watak perempuan pula tidak sepenuhnya mengambil tindakan perlawanan yang berasaskan pandangan ideal masyarakat Melayu yang diberikan kepada mereka sebagai makhluk fitrah yang memiliki kekuatan spiritual berbanding laki-laki. Akibatnya, ekonomi yang menjadi salah satu unsur penting dalam sistem kemasyarakatan Kampung Sukamenanti pun tetap dikuasai oleh laki-laki melalui sistem kuasa ekonomi dengan menciptakan sebuah perkumpulan bernama Kumpulan Kapak.

Watak perempuan Melayu seperti Siti Muhsinat dalam naskhah teater *Tiang Seri Tegak Berlima* berposisi sebagai subordinat kekuasaan watak laki-laki kerana pada akhirnya kekuasaan yang dipunyai oleh Ketua Kumpulan Kapak dapat dilumpuhkan oleh perlawanan laki-laki yang sudah disedari oleh Siti Muhsinat. Dengan kata lain, maskuliniti melawan maskuliniti. Bukan maskuliniti versus feminin seperti yang diharapkan oleh gerakan feminisme.

Selain itu, penerimaan masyarakat kampung Melayu, Kampung Sukamenanti, ditentukan pula oleh arus kekuasaan laki-laki. Dengan kata lain, apabila watak laki-laki kelas menengah ke bawah tidak berasa terancam oleh pemegang kekuasaan seperti Ketua Kumpulan Kapak, mereka berada dalam barisan Siti Muhsinat. Namun jika berlaku sebaliknya, maka mereka menjadi sebahagian daripada watak laki-laki yang menistakan Siti Muhsinat. Hal ini semakin menguatkan lagi realiti bahawa masyarakat Melayu di kampung Sukamenanti masih mendua. Tidak ada kepastian sama ada berpihak kepada kebenaran Siti Muhsinat ataupun mengikuti ideologi maskulin oleh Ketua Kumpulan Kapak. Dengan kata lain, pertarungan antara ideologi feminis dengan maskulin akan berterusan dalam masyarakat Melayu kampung Sukamenanti yang diwarnai oleh dominasi laki-laki terhadap perempuan.

RUJUKAN

- Agger, Ben. (2009). *Teori sosial kritis: Kritik, penerapan dan implikasinya*. Yogyakarta: Kreasi Wacana.
- Arivia, Gadis. (2003). *Filsafat berperspektif feminis*. Jakarta: Yayasan Jurnal Perempuan.
- Chariri, A. (2009). "Landasan filsafat dan metode penelitian kualitatif". Paper Disajikan pada workshop metodologi penelitian kuantitatif dan 12 kualitatif. Laboratorium Pengembangan Akuntansi (LPA)-31 Juli-1 Agustus 2009. Semarang: Fakultas Ekonomi Universitas Diponegoro.
- Dagun, Save M. (1992). *Maskulin dan feminin: Pria dan wanita dalam fisiologi, psikologi, seksual, karier dan masa depan*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Denzin, Norman K. & Lincoln, Yvonna S. (1994). *Handbook of qualitative research*. Thousand oaks. London-New Dehli: Sage Publications International Educational and Professional Publishers.
- Eriyanto. (2008). *Analisis wacana: Pengantar analisis teks media*. Yogyakarta: LKiS
- Fakih, Mansour. (1999). *Analisis gender dan transformasi sosial*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Foucault, Michel. (2002). *Power/knowledge: Wacana kuasa/pengetahuan*. Yogyakarta: Bentang.
- Fromm, Erich. (2011). *Cinta, seksualitas, dan matriarki: Kajian komprehensif tentang gender*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Hasyim, Syafiq. (2005). *Pengantar feminisme dan fundamentalisme Islam* (Cetakan I). Yogyakarta: LKiS.
- Hassan, Noordin. 1996. *Bukan Lalang Ditiup Angin*. Ampang/Hulung Kelang Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heyzer, Noeleen. (1986). *Working women in South-East Asia: Development, subordination and emancipation*. Philadelphia: Open University Press.
- Humm, Maggie. (1986). *Feminist criticism*. Great Britain: The Harvester Press.
- Humm, Maggie. (2007). *Ensiklopedia feminisme*. Edisi Bahasa Indonesia diterjemahkan oleh Mundi Rahayu. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.
- Lidz, T. (1963). *The family and human adaptation: Three lecturer*. New York: International University Press.
- Lovenduski, Joni. (2008). *Politik berparas perempuan*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Megawangi, Ratna. (1999). *Mebiarkan berbeda?: Sudut pandang baru tentang relasi gender*. Bandung: Mizan.
- Mulyadi, B. (2007). *Karakter tokoh utama novel Utsukushita to Kanashimi to karya Kawabata Yasunari*. Semarang: Universitas Diponegoro.
- Noordin Hassan. (1996). *Bukan lalang ditiup angin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurgiantoro, Burhan. (1995). *Teori pengkajian fiksi*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.

- Omar, Roziah. (1996). *State, Islam and Malay reproduction*. Canberra: Research School of Pacific Studies-Australian National University.
- Osborne, Susan. (2001). *Feminism*. Great Britain: Pocket Essentials.
- Ruthven, K.K. (1984). *Feminist literary studies an introduction*. Cambridge, New York, Port Chester, Melbourne, Sydney: Cambridge University Press.
- Shihab, Quraish. (1997). *Membumikan al-Qur'an*. Bandung: Mizan.
- Solehah Ishak. (1996). "Kata Pengantar". *Bukan lalang ditiup angin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stanton, Robert. (2007). *Teori fiksi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Stokes, Jane. (2006). *How to do media and cultural studies*. Terjemahan oleh Santi Indra Astuti. Yogyakarta: Bentang.
- Subhan, Zaitunah. (2004). *Qodrat perempuan taqdir atau mitos*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren.
- Sudjiman, P. (1991). *Memahami cerita rekaan*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Suyanto, B. (1996). *Kemiskinan dan kebijakan pembangunan*. Yogyakarta: Aditya Media.
- Tong, Rosemarie Pitnam. (2008). *Feminist thought: Pengantar paling komprehensif kepada arus utama pemikiran feminis*. Yogyakarta: Jalasutra.

Received: 06 September 2017

Accepted: 30 November 2017